

**Pemimpin Dan Anggota Umno Perlu Berpegang Prinsip Asas Perjuangan
Bernama
28 Mac, 2012**

KEPALA BATAS, 28 Mac (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi mahu pemimpin dan anggota Umno berpegang kepada prinsip asas perjuangan parti bagi mewujudkan keghairahan untuk berjuang mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara.

Abdullah berkata prinsip itu penting kerana kelangsungan daripada perjuangan adalah sebuah kejayaan yang sangat bererti untuk dikongsi bersama rakyat.

"Semakin lama perjuangan itu bertambah berat, jadi ia memerlukan kegigihan usaha, dan keghairahan perjuangan setiap pemimpin dan anggota parti sangat penting untuk meningkatkan kemajuan bangsa.

"Walaupun keghairahan berjuang itu menyebabkan ada ketikanya Umno dianggap sombong, sebenarnya bukan sombong tetapi kesungguhan merelakan diri kita untuk memajukan bangsa dan negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persatuan Bekas Anggota Kemas Malaysia Pulau Pinang di sini, Rabu.

Beliau berkata perjuangan yang diusahakan selama ini adalah untuk terus mencapai kejayaan dan memberi peluang kepada rakyat menikmati keselesaan dan keharmonian hidup.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655385>